PRAKTIS 3

SEJARAH

TINGKATAN 1 **Bab 1 - 4**

SOALAN OBJEKTIF

Jawab semua soalan

BAHAGIAN A

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

1 Gambar di bawah menunjukkan kepentingan mempelajari sejarah.



Berdasarkan gambar di atas, apakah kepentingan mempelajari sejarah?

A Mengetahui asal usul
B Mengukuhkan perpaduan
C Membangunkan negara dan bangsa
D Mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah

2 Peta di bawah menunjukkan rupa bentuk di Asia Tenggara pada hari ini.



Apakah kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara?

A Tenggelamnya Pentas Sunda
B Penurunan iklim bumi
C Tiada binatang dan tumbuhan
D Tiada sebarang perubahan bentuk fizikal

3 Dialog di bawah berkaitan Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Wartawan	:	*Berapakah usia nenek ketika itu?*
Nenek	:	*Nenek berusia 12 tahun semasa Jepun menguasai negara kita.*
Wartawan	:	*Apakah penderitaan yang nenek lalui ketika itu?*
Nenek	:	*Nenek hidup dalam keadaan serba kekurangan. Ubi kayu menjadi makanan ruji pada ketika itu.*

Apakah kaedah sejarah yang digunakan dalam dialog tersebut?

A Kaedah arkeologi
B Kaedah cari gali
C Kaedah lisan
D Kaedah bertulis

4 Gambar di bawah menunjukkan batu bersurat yang dijumpai di Terengganu.



Apakah bukti penemuan batu bersurat tersebut?

A Mengetahui kewujudan Zaman Prasejarah
B Kewujudan Tamadun Awal Dunia
C Kewujudan Zaman Air Batu Akhir
D Agama Islam telah bertapak di negara kita lebih awal

LIVEWORKSHEETS

5 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir?

I Suhu bumi sejuk
II Wujud hidupan
III Suhu bumi meningkat
IV Tiada hidupan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

6 Pernyataan di bawah merujuk kepada perubahan Zaman Air Batu Akhir.


> *Pada Zaman Air Batu Akhir telah berlakunya kepupusan haiwan.*

Antara berikut, haiwan manakah yang mengalami kepupusan?

I Zirafah
II Beruang kutub
III *Sloth*
IV Harimau bertaring

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

7 Gambar di bawah menunjukkan tembikar besi di Asia Tenggara.



Apakah bukti penemuan tembikar tersebut?

I Wujudnya aktiviti pertanian
II Pembuatan tembikar tanah
III Manusia tinggal di gua
IV Wujudnya agama dan kepercayaan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

8 Antara berikut, yang manakah berkaitan kehidupan masyarakat Zaman Paleolitik?

I Mengamalkan cara hidup sara diri
II Mencipta peralatan daripada logam
III Hidup secara menetap
IV Kepercayaan animisme

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

9 Gambar di bawah menunjukkan hiasan pada gendang gangsa Zaman Logam.



Hiasan yang terdapat pada gambar di atas membuktikan bahawa masyarakat Zaman Logam

A mementingkan kesenian dan kebudayaan
B mementingkan nilai estetika
C mahir mencipta peralatan
D menjalankan kegiatan perdagangan

10 Apakah lokasi petempatan Zaman Mesolitik di negara kita?

A Gua Niah, Sarawak
B Sungai Tembeling, Pahang
C Gua Cha, Ulu Kelantan
D Gua Tapadong, Sabah

11 Gambar di bawah menunjukkan peralatan yang digunakan pada Zaman Prasejarah di Malaysia.



Apakah fungsi peralatan tersebut?

A Kepercayaan animisme
B Menetak, memotong dan memecahkan tulang haiwan
C Memburu binatang
D Alat perlindungan diri

12 Apakah bentuk pengkhususan pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat tamadun awal dunia?

I Pengutip cukai
II Jurutera sistem pengairan
III Pemburu binatang
IV Nelayan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

LIVEWORKSHEETS

13 Pernyataan di bawah berkaitan maksud tamadun.

> *Perkataan tamadun dalam bahasa Arab ialah mudun, madain dan madana.*

Apakah maksud tamadun tersebut?
- **A** Ketinggian budi bahasa dan pembukaan bandar
- **B** Kemajuan manusia secara fizikal
- **C** Kehidupan yang harmoni
- **D** Pembangunan ekonomi

14 Pernyataan di bawah menerangkan maksud tamadun menurut pandangan tokoh.

> *Tamadun ialah keadaan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya.*

Siapakah tokoh tersebut?
- **A** Ibnu Khaldun
- **B** Arnold J. Toynbee
- **C** Syed Muhammad Naquib Al-Attas
- **D** Herodotus

15 Rajah di bawah menunjukkan seni bina bangunan tamadun awal dunia.



Apakah Y?
- **A** Penciptaan roda
- **B** Taman Tergantung Babylon
- **C** Penciptaan kapal wap
- **D** Penciptaan negara kota

16 Maklumat di bawah berkaitan ciri-ciri tamadun awal.

> - *Kemudahan seperti pasar dan rumah ibadat*
> - *Pembinaan sistem perparitan*

Apakah ciri-ciri tamadun awal tersebut?
- **A** Sistem pemerintahan
- **B** Agama dan kepercayaan
- **C** Kegiatan ekonomi
- **D** Pembentukan bandar

17 Apakah tamadun awal yang memperkenalkan sistem organisasi sosial?
- **A** Tamadun Mesopotamia
- **B** Tamadun Mesir Purba
- **C** Tamadun Indus
- **D** Tamadun Huang He

18 Dalam bahasa Inggeris tamadun ialah "*civitas*" yang diambil daripada bahasa Yunani.

Perkataan "*civitas*" bermaksud
- **A** tatatusila
- **B** bandar
- **C** keharmonian
- **D** pembangunan jasmani dan rohani

19 Gambar di bawah menunjukkan tulisan pada Zaman Dinasti Shang.



Apakah fungsi sistem tulisan bagi tamadun awal?
- **A** Membuktikan kehebatan tamadun
- **B** Tujuan perniagaan dan keagamaan
- **C** Menyimpan rekod dan perkara penting
- **D** Memudahkan komunikasi bagi masyarakat

20 Rajah di bawah menunjukkan kegiatan perdagangan pada zaman tamadun awal dunia.



Apakah jenis perdagangan K?
- **A** Perdagangan jarak jauh
- **B** Perdagangan luar negeri
- **C** Perdagangan entrepot
- **D** Perdagangan import

LIVEWORKSHEETS

1 Antara berikut, yang manakah lokasi Tamadun Mesir Purba?
A Sungai Tigris
B Sungai Euphrates
C Sungai Nil
D Sungai Huang He

2 Peta di bawah menunjukkan peta Sungai Nil.



Mengapakah manusia tamadun awal amat bergantung kepada sungai?
I Membekalkan air bagi tanaman
II Merupakan kawasan petempatan
III Merupakan kawasan perdagangan
IV Merupakan tradisi turun temurun
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

3 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri kerajaan Sumer dalam Tamadun Mesopotamia?
I Hidup secara nomad
II Memburu binatang
III Pengkhususan pekerjaan
IV Bandar yang maju
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

4 Apakah fungsi zigurat dalam Tamadun Mesopotamia?
I Pusat ibadat
II Tujuan pertahanan
III Pelabuhan entrepot
IV Pusat hasil pertanian
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5 Apakah dua bandar yang teragung dalam Tamadun Indus?
I Zigurat III Mohenjo-Daro
II Colosseum IV Harappa
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

6 Gambar di bawah berkaitan Kod Undang-undang Hammurabi dalam Tamadun Mesopotamia.



Apakah kandungan kod undang-undang tersebut?
I Perkahwinan
II Hal perdagangan
III Kecurian
IV Pendidikan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

LIVEWORKSHEETS

7 Apakah sumbangan Tamadun Huang He dalam kehidupan manusia kini?
I Penciptaan puisi
II Penghasilan tembikar
III Pembinaan piramid
IV Penciptaan sistem perparitan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Maklumat di bawah menunjukkan negara-kota dalam Tamadun Yunani.

- *Athens*
- *Sparta*

Apakah ciri-ciri utama negara-kota?
I Kemajuan pendidikan
II Keluasan wilayah
III Jumlah penduduk yang ramai
IV Kegiatan ekonomi yang pesat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

I Apakah sistem pemerintahan yang terawal di Athens?
A Sistem demokrasi
B Sistem republik
C Sistem oligarki
D Sistem monarki

Apakah sistem tulisan masyarakat Mesir Purba?
A Hieroglif
B Piktograf
C Ideogram
D Kuneiform

Apakah seni bina yang teragung dalam Tamadun Rom?
A Mohenjo-Daro
B Sparta
C Colosseum
D Harappa

I2 Antara berikut, yang manakah fungsi Colosseum dalam Tamadun Rom?
I Tempat mengadakan acara gladiator
II Istana raja
III Rumah Ibadat
IV Berfungsi sebagai stadium
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS